

Faktor kegagalan
Utama Calon

Utamakan ke'berkat'an dalam ilmu. Jika anda mendapatkan naskhah ini secara 'haram' maka apa bakal terjadi dengan ilmu dan usaha anda? Fikir-fikirkan =)

Legal Notice

Ebook ini adalah hakmiliki penuh dan diterbitkan sepenuhnya oleh Infokerjaya PLT (LLP0003706-LGN) .

Sebarang aktiviti pengedaran semula atau menjual semula naskhah ini adalah DILARANG sama sekali dan ianya menyalahi Akta Hakcipta.

Jika anda memperolehi Ebook ini bukan dari laman RujukanKerjaya.com, sila laporkan kepada kami melalui email support@rujukankerjaya.com dan ganjaran sewajarnya akan diberikan kepada anda.

Sebagai pembeli yang sah, anda layak menerima tip-tip penting untuk kemasukan kerja kerajaan daripada kami yang akan disalurkan melalui EMAIL yang anda daftarkan dengan kami

DISCLAIMER

Seluruh kandungan Pakej Rujukan Peperiksaan Online Penolong Pegawai Penerangan S27 ini adalah hak milik di bawah tanggungjawab Tim Infokerjaya dari RujukanKerjaya.com. Ianya diterbitkan

untuk tujuan perkongsian maklumat dan sayugianya diingatkan yang kandungan Pakej ini tidak boleh dianggap nasihat profesional dan kami tidak bertanggungjawab atas sebarang lia biliti kerugian dan kerosakan hasil dari maklumat dalam Pakej ini. Semua maklumat dalam Pakej Rujukan Peperiksaan Online Penolong Pegawai Penerangan S27 ini adalah tepat pada masa ianya diterbitkan.



Infokerjaya PLT, Edisi APRIL 2017

Edisi Pertama Januari 2010

1st revision: Mac 2010 (Gred 41)

2nd revision Oktober 2010 (PTD)

3rd revision Julai 2011 (PTD)

4th revision November 2011 (Pegawai Antidadah)

5th revision Januari 2012 (Pengguna Kastam)

6th revision Februari 2012 (Juruaudit)

7th revision Mei 2012 (PTD)

8th revision April 2013 (PTD)

9th revision Oktober 2014

10th revision Mac 2015 (Pegawai Psikologi)

11th revision April 2015 (Penolong Pegawai Penerangan S27)

12th revision April 2017 (Pegawai Penerangan S41)

Pengenalan

(Maklumat ini adalah edaran umum SPA)

Pegawai Penerangan Gred S41

- **Kumpulan:** Pengurusan dan Profesional
- **Kem/Jab:** Kementerian Penerangan dan Kementerian Kesihatan
- **Jadual Gaji:**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,078.00	RM9,544.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
- (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,078.00); atau
- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86); atau
- (iii) ijazah sarjana muda Komunikasi Massa dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86); atau
- (iv) ijazah sarjana muda Sains Kemasyarakatan dengan kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86)

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan


SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penerangan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Penerangan Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); atau
 - lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

DESKRIPSI TUGAS :

- Bertanggungjawab menguruskan sidang akhbar, draf kenyataan akhbar, nota-nota taklimat dan maklumat, pengurusan penerbitan, pameran, laporan tahunan dan bertindak sebagai Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian/Jabatan.
- Bagi Kementerian Kesihatan, tugas-tugasnya ialah bertanggungjawab merancang, melaksana, menyelaras dan menilai program-program pendidikan kesihatan dan menilai penggunaan media dan alat pandang dengar serta bertanggungjawab sepenuhnya ke atas penyelenggaraan bahagian ‘non-print’ Pusat Pendidikan Kesihatan dan Komunikasi termasuk unit bergerak.

CARTA ORGANISASI UNIT KORPORAT



Carta 1 : Carta Organisasi Unit Korporat

RUJUKAN PANTAS

**Nota Ringkas ini adalah
himpunan tajuk-tajuk penting
berkaitan tugas, skop Jawatan
Pegawai Penerangan S41**

Nota 1 : Program Debat Kenegaraan

- Pertandingan Debat Kenegaraan merupakan satu aktiviti yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.
- Dianjurkan menerusi Program Komuniti Bestari (Kumpulan Pendengar, Penonton dan Pembaca) untuk membentuk masyarakat yang berilmu dan juga dapat memberi sumbangan kepada negara.
- Program ini adalah satu usaha positif ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat, khasnya generasi muda untuk mengikuti perkembangan semasa, membina minda masyarakat dan memupuk semangat perpaduan di kalangan generasi muda ini.
- Objektif Debat Kenegaraan :
 - Meningkatkan pengetahuan, kefahaman, kesedaran dan sokongan rakyat terhadap usaha-usaha kerajaan ke arah kemakmuran dan kemajuan negara.
 - Memupuk semangat kerjasama dan nilai-nilai perpaduan di kalangan ahli-ahli Komuniti Bestari dan masyarakat umum melalui perkongsian minat dan kefahaman pelbagai nilai dan sub-budaya.
 - Menggalakkan budaya ilmu yang jitu, berwibawa dan perbincangan yang sihat berdasarkan fakta yang sahih, tepat dan jelas selaras dengan globalisasi dan ledakan maklumat.
 - Menyemaikan budaya berhujah secara matang, bernalas dan bermaklumat berdasarkan kerangka pembinaan masyarakat bermaklumat (knowledge society).
 - Menggalakkan nilai-nilai perkongsian matlamat dalam satu wadah dan pasukan bagi tujuan bersama.

Nota 2 : Program Pengisahan Kenegaraan

- Pertandingan ini adalah untuk menjayakan Kempen Cinta Negara di bawah program Setia Bestari, Jabatan Penerangan Malaysia yang bermula pada tahun 2003.
- Matlamatnya adalah untuk mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat melalui kebolehan peserta bercerita berdasarkan skrip dengan menggunakan kaedah-kaedah komunikasi bersemuka.
- Peserta-peserta dibenarkan menggunakan alat bantuan media seperti komputer,

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

muzik, visual, teknik lampu dan lain-lain untuk menarik minat penonton.

- Pertandingan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk melahirkan pendapat, pandangan dalam bentuk seni dan budaya masyarakat Malaysia.
- Dapat meningkatkan perasaan cinta negara dan patriotik rakyat Malaysia ke arah menyokong arahan usaha Kerajaan melalui kreativiti dan inovasi bagi membina negara Malaysia yang bersepadu, aman damai dan maju sepenuhnya dengan acuan sendiri menjelang tahun 2020.
- Objektif Pengisian Kenegaraan :
 - Menggalakkan warganegara Malaysia menyampaikan pandangan dan pendapat mengenai dasar-dasar Kerajaan melalui media alternatif seperti kesenian tradisi, puisi moden dan tradisional serta lain-lain bentuk budaya etnik dan pelbagai kaum di Malaysia.
 - Meningkatkan kesedaran, pengetahuan dan kefahaman rakyat tentang dasar-dasar negara.
 - Menggalakkan kemahiran menulis skrip dan menyampaikan mesej kenegaraan dalam bentuk bercerita dengan sokongan alat bantuan media.

Nota 3 : Program Kembara Merdeka

- Kembara Merdeka adalah satu program patriotisme yang dianjurkan bertujuan untuk :
 - Meningkatkan semangat patriotisme dan rasa tanggungjawab terhadap kerajaan di mana kepentingan Negara adalah lebih utama daripada kepentingan peribadi.
 - Menghayati sejarah perjuangan Negara dan meningkatkan perasaan berterima kasih dan bersyukur kepada jasa-jasa yang telah diberikan oleh pemerintahan dan pemimpin negara.
 - Menggalakkan pengibaran Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan.
 - Meningkatkan rasa tanggungjawab rakyat terhadap keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara.

Nota 4 : Misi dan Visi Jabatan Penerangan

- VISI : Menjadi peneraju utama dan teras dalam menjayakan gagasan 1Malaysia dan pembinaan negara bangsa berteraskan Rukun Negara.
- MISI : Menterjemah dan memasarkan dasar dan agenda negara supaya difahami, disokong, dihayati dan dibudayakan oleh seluruh rakyat melalui program penerangan.

Nota 5 : Objektif Organisasi Jabatan Penerangan Malaysia

- Objektif Jabatan Penerangan Malaysia terbahagi kepada dua iaitu objektif umum dan objektif operasi.
- Secara dasarnya Objektif Umum adalah untuk meningkatkan kefahaman, sokongan, keyakinan dan penglibatan masyarakat terhadap dasar dan program Kerajaan ke arah pembinaan negara bangsa yang bermaklumat, progresif, berintegriti, sejahtera serta bersatu-padu.

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

□ Manakala Objektif Operasi :

- Meningkat dan mengukuhkan kefahaman, keyakinan serta sokongan rakyat terhadap kepimpinan negara secara berterusan;
- Memasarkan maklumat mengenai dasar dan wawasan negara agar rakyat memahami, menyokong dan menghayatinya;
- Membentuk pemikiran rakyat agar sejajar dengan gagasan 1Malaysia bagi membina sebuah negara bangsa;
- Mengukuhkan semangat jatidiri, cinta negara dan perpaduan di kalangan rakyat selaras dengan cita-cita Rukun Negara.

Seksyen A:

Pengetahuan Am Mengenai Malaysia dan Alam Sekeliling

Penerangan Format

Ianya adalah seksyen pertama dalam kertas penilaian dan merupakan seksyen yang mempunyai banyak soalan menguji pengetahuan anda. Anda diberikan masa **30 minit** untuk menjawab **40 soalan**. Ianya tertakluk kepada perubahan. Tapi secara umumnya itu adalah format yang digunakan sehingga tahun ini seperti yang telah dinyatakan dalam edaran umum SPA tahun 2014. Sedikit berbeza dengan peperiksaan bertulis jawatan lain sebelum ini (45 minit/60 soalan). Sekali lagi formatnya;

Tempoh: **30 minit**

Jumlah Soalan: **40 soalan**

Soalan yang tercangkum dalam bahagian ini meliputi skop yang sangat luas dan seringkali berada di luar jangkaan. Ianya menuntut anda mempunyai pengetahuan asas yang luas dan sebenarnya ianya berpaksikan kepada sejauh mana anda peka dengan persekitaran. Itu adalah satu kriteria sebenarnya yang diuji dalam bahagian ini, bagaimana anda peka dan sensitif kepada isu-isu penting lebih-lebih lagi yang melibatkan isu-isu nasional. Tetapi melalui analisis yang mendalam, sebenarnya soalan-soalan mencakupi beberapa bahagian yang penting yang menjadi paksi kepada pembahagian soalan-soalan dalam bahagian ini.

Seksyen A:

6 Contoh Soalan & Jawapan

Ini BUKAN SOALAN RAMALAN. Hanya contoh sahaja

Contoh soalan peperiksaan Penolong Pegawai Penerangan S27

Jawab soalan 1, 2 dan 3 berdasarkan pernyataan di bawah :

Membentuk masyarakat yang berilmu dan juga dapat memberi sumbangan kepada

1. Namakan salah satu program yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia
 - A. Pertandingan Bahas Kenegaraan
 - B. **Pertandingan Debat Kenegaraan**
 - C. Pertandingan Jabatan Kerajaan
 - D. Pertandingan Penjawat Awam

2. Program Komuniti Bestari menganjurkan pertandingan tersebut untuk
 - I. Mempromosikan Jabatan Penerangan Malaysia kepada masyarakat
 - II. Meningkatkan kesedaran masyarakat.
 - III. Fokus pada generasi muda untuk mengikuti perkembangan semasa.
 - IV. Membina minda masyarakat dan memupuk semangat perpaduan di kalangan generasi muda ini.
 - A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. **II, III dan IV**
 - D. I, II, III dan IV

3. Di antara berikut, manakah pernyataan yang BENAR mengenai program anjuran Jabatan Penerangan Malaysia?
 - I. Memupuk semangat kerjasama dan nilai-nilai perpaduan di kalangan ahli-ahli Komuniti Bestari dan masyarakat umum melalui perkongsian minat dan kefahaman pelbagai nilai dan sub-budaya.
 - II. Menggalakkan budaya ilmu yang jitu, berwibawa dan perbincangan yang sihat berdasarkan fakta yang sahih, tepat dan jelas selaras dengan globalisasi dan ledakan maklumat.
 - III. Menyemaikan budaya berhujah secara matang, bernas dan bermaklumat berdasarkan kerangka pembinaan masyarakat bermaklumat (knowledge society).
 - IV. Menggalakkan nilai-nilai perkongsian matlamat dalam satu wadah dan pasukan bagi tujuan bersama.

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

- A. I dan II
- B. I, II dan III
- C. II, III dan IV
- D. **I, II, III dan IV**

4. Apakah nama asal bagi Jabatan Penerangan Malaysia?

- A. Malay States Information Agency
- B. **Jabatan Publisiti dan Percetakan**
- C. Jabatan Perhubungan Raya
- D. Jabatan Penerangan

5. Apakah tugas-tugas yang dahulunya dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Malaysia tetapi tidak lagi dilakukan pada masa sekarang?

- A. Penerangan bagi menenang dan mengawal keadaan.
- B. Bertanggungjawab ke atas percetakan dan penyiaran radio.
- C. Komunikasi bersemuka, bahan-bahan yang dicetak dan penyiaran melalui radio.
- D. **Mencetak dan mengawal percetakan semua jenis borang dan bahan-bahan lain yang diperlukan oleh semua jabatan kerajaan.**

6. Di antara tugas-tugas Jabatan Penerangan Malaysia ialah

- A. Berusaha untuk menyedia dan membiasakan pemikiran rakyat terhadap sesuatu motivasi melalui aktiviti-aktiviti komunikasi bersemuka dengan dibantu oleh media-media lain yang terdapat di Jabatan Penerangan.
- B. Berusaha agar hasrat kerajaan akan menjadi hasrat orang ramai tanpa mengira bangsa dan seterusnya dapat diterima, diamalkan dan diterap oleh masyarakat.
- C. Menjadi jambatan yang dapat menghubungkan rakyat dengan kerajaan dan di antara kerajaan dengan rakyat.
- D. **Kesemua yang di atas adalah benar.**

Seksyen B:
Daya Menyelesaikan Masalah

Penerangan Format


Seksyen B pula adalah berkaitan dengan *daya menyelesaikan masalah* yang perlu dijawab dalam masa **35 minit**, sebanyak **30 soalan**. Kebanyakan calon mengeluh yang masa yang diberikan sama sekali tidak mencukupi. Secara umumnya format yang digunakan tahun 2012/13 adalah sama dengan format tahun-tahun sebelum ini sejak tahun 2009 lagi.

Seksyen B:

7 Contoh Soalan & Jawapan

Ini BUKAN SOALAN RAMALAN. Hanya contoh sahaja

1. Rajah di bawah menunjukkan jualan 2 jenis bola. Berapakah peratus jualan bulan Mei bagi bola sepak berbanding dengan jumlah jualan kedua-dua jenis bola bagi 4 bulan berkenaan



JAWAPAN






$$\frac{50}{90+90+80+70} \times 100\% = 15.15\%$$

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017


2. Sebuah mesin dengan kos RM 35,000.00 telah dibeli pada 1 Januari 2008. Aset ini disusutnilaikan pada 10 % setahun mengikut kaedah ansuran tetap. Kirakan belanja susut nilai untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

- A. RM 1,000.00
- B. RM 3,000.00
- C. RM 5,000.00
- D. RM 7,000.00

3. Pilih jawapan yang betul mengikut turutan



Jawapan B



Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

4. Kaisara telah menjual telefon bimbitnya dengan harga RM 954.00 kepada Nalini. Beliau telah untung sebanyak 33%. Berapakah harga sebenar telefon bimbit nya

- A. RM 420.20
- B. RM 532.20
- C. RM 639.20
- D. RM 720.20

KEUNTUNGAN 20 % dari harga jualan

$$\frac{33}{100} \times 954 = 314.82$$

Harga sebenar = harga jualan – untung

$$954 - 314.82 = 639.18 \text{ bundarkan RM } 639.20$$

Jawapan B

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

Harga sebenar = harga jualan – untung

$$954 - 314.82 = 639.18 \text{ bundarkan RM } 639.20$$

Jawapan B

5. Fahmi memeriksa nadinya dan mendapati bahawa degupan jantungnya adalah pada kadar 80 seminit semasa berehat. Pada kadar ini, berapakah hari yang diambil untuk jantungnya berdegup sebanyak 1,000,000 kali ?

- A. 9 hari
- B. 10 hari
- C. 11 hari
- D. 12 hari


$$\frac{1000000}{80} = 12500 \text{ minit}$$

$$\frac{12500}{60} = 208.3 \text{ jam}$$

$$\frac{208}{24} = 8.68 \text{ hari}$$

Jawapan A 9 hari

6. Carta pai berikut menunjukkan ciri-ciri gadis yang menjadi pilihan 1200 orang pemuda. Sekiranya bilangan yang memilih kurus adalah $\frac{1}{3}$ daripada bilangan yang memilih cantik, hitung jumlah pemuda yang memilih pandai



- A. 150 orang
- B. 200 orang
- C. 250 orang
- D. 100 orang

$$\text{Cantik } \frac{180}{360} \times 1200 = 600 \text{ orang}$$


$$\text{kurus } \frac{1}{3} \times 600 = 200 \text{ orang}$$

$$\text{Tinggi } \frac{90}{360} \times 1200 = 300 \text{ orang}$$

$$\begin{aligned}\text{Pandai} &= \text{Jumlah} - \text{cantik} - \text{kurus} - \text{tinggi} \\ &= 1200 - 600 - 200 - 300 \\ &= 100 \text{ orang}\end{aligned}$$

Jawapan D

7. Carta pai di bawah menunjukkan jenis nasi goreng yang dipesan oleh 900 orang pelanggan di sebuah kedai. Hitung perbezaan bilangan pelanggan yang memesan Nasi Goreng kampung dan bilangan pelanggan yang memesan Nasi Goreng cili padi.



- A. 150 orang
- B. 260 orang
- C. 335 orang
- D. 125 orang

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

$$\text{nasi goreng cina } \frac{80}{360} \times 900 = 200 \text{ orang}$$

$$\text{Nasi goreng kampung } \frac{120}{360} \times 900 = 300 \text{ orang}$$

$$\text{nasi goreng pattaya } \frac{90}{360} \times 900 = 225 \text{ orang}$$

$$\begin{aligned}\text{Nasi Goreng cili padi} &= \text{jumlah} - \text{Nasi Goreng cina} - \text{Nasi} \\ &\quad \text{Goreng kampung} - \text{Nasi Goreng pattaya} \\ &= 900 - 200 - 300 - 225 \\ &= 175 \text{ orang}\end{aligned}$$

$$\text{Nasi Goreng kampung} - \text{Nasi Goreng cili padi} =$$

$$300 - 175 = 125$$

Seksyen B

Ujian Psikometrik

Penerangan Format

Seksyen C pula adalah berkaitan dengan *Ujian Psikometrik* perlu dijawab dalam masa **20 minit**. Dalam peperiksaan terkini sebelum ini jumlah soalan adalah 96 soalan. Untuk sesi ini mungkin terdapat sedikit perubahan. Tetapi yang paling penting cara dan skop penilaian seksyen ini adalah sama. Nampak seperti banyak soalan dan terma yang menggerunkan, tetapi percayalah seksyen ini pasti bakal menjadi seksyen yang paling mudah bagi anda pada 15 APRIL 2015 ini.

Seksyen C:

20 Contoh Soalan & Jawapan

Ini BUKAN SOALAN RAMALAN. Hanya contoh sahaja

Ujian psikometrik Penolong Pegawai Penerangan Gred S27

1. Saya suka bekerja sendiri.
A. Ya B. Tidak
2. Keputusan yang dibuat dalam kerja kumpulan mengambil kira pandangan kesemua ahli.
A. Ya B. Tidak
3. Saya memberikan tumpuan penuh kepada tugas yang diberikan semasa kerja.
A. Ya B. Tidak
4. Saya gemar menggunakan idea ciptaan diri sendiri.
A. Ya B. Tidak

Pegawai Penerangan S41 – Sesi 17 April 2017

5. Saya menggunakan strategi penyelesaian masalah yang tersendiri.
A. Ya B. Tidak
6. Pengarah suka menyalahkan saya semasa kerja.
A. Ya **B. Tidak**
7. Saya suka kerja yang tidak mencabar.
A. Ya B. Tidak
8. Pengarah syarikat memiliki hak dan kebenaran mengeluarkan arahan.
A. Ya B. Tidak
9. Saya akan membuat tugas milik kawan.
A. Ya **B. Tidak**
10. Saya suka bekerja lebih masa.
A. Ya B. Tidak
11. Boleh bekerja lebih masa tanpa sebarang bayaran.
A. Ya B. Tidak
12. Berikhtiar mencapai visi dan misi tanggung jawab yang diberikan.
A. Ya B. Tidak
13. Lebih suka bercakap dalam perbincangan dan mahu peserta lain dengar.
A. Ya **B. Tidak**

14. Suka melakukan kerja-kerja amal dengan masyarakat.

- A. Ya B. Tidak

15. Suka berfikir di luar kotak.

- A. Ya B. Tidak

16. Amat suka bekerja walau pun semasa cuti.

- A. Ya B. Tidak

17. Berkhidmat untuk dapatkan manfaat.

- A. Ya B. Tidak

18. Suka bergerak dalam kumpulan.

- A. Ya B. Tidak

19. Berusaha dengan gigih supaya dapat mendahului orang lain.

- A. Ya B. Tidak

20. Suka pada maklumat yang bernilai.

- A. Ya B. Tidak

MUAT TURUN RUJUKAN LENGKAP BERMULA 12 APRIL 2017

Ini yang bakal anda dapat;

Huraian Format 2017

Percaya pada kami, faktor utama kegagalan calon adalah kerana tidak tahu format soalan. Anda akan tahu format terkini 2017 yang berbeza dengan 2014

50++ Nota Ringkas

TAJUK NOTA RINGKAS berkaitan pentadbiran negeri-negara, dasar-dasar penting, perundangan, ekonomi dan banyak lagi untuk anda sebagai bakal Pegawai Penerangan perlu tahu sebagai senjata persediaan peperiksaan anda!

Lebih 40++ Soalan Seksyen B

Bukan soalan sebenar tetapi soalan yang dibina untuk memberikan keyakinan semasa peperiksaan 17 April ini. Soalan-soalan Matematik diberikan jalan kerja!

Pecahan setiap Seksyen

Tahukah anda dalam setiap 'Seksyen' terdapat pecahan tambahan yang bakal merungsingkan anda? Tak perlu risau, kami akan tunjukkan kepada anda bagaimana 'pecahan dalam pecahan' tersebut!

Lebih 50++ Soalan Seksyen A

Ini bukan soalan ramalan tetapi soalan yang bakal membuatkan anda lebih yakin untuk sesi peperiksaan nanti. Ianya dibina khas untuk memudahkan anda ulangkaji

Nota Khas GTP & GST

Antara isu-isu HOT yang anda kena tahu berkaitan plan transformasi kerajaan. FAKTA PENTING, soalan peperiksaan memasuki perkhidmatan Awam 2016 yang lepas, isu GTP menjadi soalan dalam 'Seksyen A'? Untuk tahun ini mungkin GST menjadi pilihan soalan SPA?

DAPATKAN DISINI:

http://www.skopkerjaya.com/pegawai_penerangan_s41